

E-BOOK PENGENALAN MUDAH

FAHAMI NLP DALAM MASA

30

MINIT

“

Ketahui bagaimana NLP boleh membantu untuk menggandakan kecemerlangan atau mendapatkan apa yang anda impikan selama ini

”



www.fadzliyusof.com

SEKALUNG PENGHARGAAN

Terima kasih kerana sudi LIKE laman Facebook saya di www.facebook.com/fadzliyusofpage.

Ebook padat dan pantas ini adalah sebahagian daripada tanda penghargaan kami atas kesudian anda menyertai komuniti yang sama-sama berkongsi keinginan untuk menggandakan potensi dan prestasi dan mencapai apa yang kita impikan sebelum ini.

Teruskan melayari laman ini dari semasa ke semasa untuk tip praktikal NLP serta bermacam tawaran baucer dan hadiah mudah untuk mereka yang sentiasa 'islah' dalam kehidupan seharian.

Oh ya, mohon INVITE 30 orang rakan Facebook anda untuk LIKE laman saya ini . Ianya baik untuk penerusan kami untuk menghasilkan sumber rujukan percuma yang lain. Saya ucapkan ribuan terima kasih atas bantuan anda tersebut.

Terima kasih 😊
www.fadzliyusof.com

Apa? NLP?

Cuba kenang semula kali pertama anda mendengar perkataan 'NLP', apakah yang terdetik dalam fikiran anda?

Anda yang tersalah sebut menjadi 'NPL' (Non Performing Loan) dan bermacam lagi kekeliruan. Ada berfikir mengenai perisian komputer yang baru atau teknik tatabahasa untuk peperiksaan.

Mungkin itu juga yang berlaku kepada anda apabila pertama kali mendengar mengenai NLP. Usah bimbang, kerana seperti saya, anda akan meneroka sebuah teknologi yang bakal menggandakan potensi dan kemampuan anda sebelum ini.

NLP adalah teknologi prestasi minda dan emosi yang sungguh mudah, pantas dan praktikal sekali.

Mengenali NLP (Neuro Linguistic Programming)

Pada tahun 2003, saya baru mula mendengar perkataan *NLP-Neuro Linguistic Programing*. Pada mulanya saya tidak berapa berminat dengannya, mungkin kerana bunyinya yang menyebabkan saya tersalah faham. Otak saya pada ketika itu menyangkakan dua perkara; samada ia adalah satu kaedah bahasa, ataupun ia adalah satu lagi

bahasa pengaturcaraan komputer (*computer programming*).

Namun, setelah beberapa pembacaan, saya mula tertarik dengan idea-idea asas dalam NLP. Saya terus meneroka teknik-teknik yang dibincangkan dalam NLP, dan saya dapat membuat satu kesimpulan yang sungguh mengujakan. Saya berkata, “Nah, ini bukan sahaja sains kejayaan, bahkan ia juga merupakan satu ‘teknologi kejayaan’!”.

Pada tahun 2006, saya telah menyertai Seminar Pentauliah NLP yang dikendalikan oleh Dr William Horton (dengan bayaran RM5,800 secara kredit kad!) dan mula memahami (walaupun tidak sepenuhnya) sebuah teknologi sukses yang sungguh powerful ini.

Saya bukanlah obses dan pengkagum NLP, jauh sekali untuk menolak idea-idea lain tentang kejayaan. Namun, saya boleh katakan NLP merupakan satu kaedah yang tersusun dan praktikal dalam memahami diri dan menguasainya demi mencapai apa yang anda inginkan; tidak kira samada ianya adalah matlamat akademik, kerjaya, kewangan, kekeluargaan, politik, perniagaan, profesion, perhubungan intim, sosial, politik, mahupun matlamat spiritual. Apa yang dibincangkan dalam NLP semuanya adalah milik Allah, cuma ianya disusun oleh

tokoh-tokoh barat yang telah mengkajinya sejak 1970 lagi.



Foto tahun 2006 ketika saya mendapat pentauliahkan sebagai pengamal NLP oleh Dr William Horton, Presiden NFNLP. Tiga tahun kemudian, saya ditauliahkan sebagai trainer bertauliah NFNLP.

Apakah itu Neuro Linguistic Proqraming (NLP)?

NLP adalah merupakan satu kaedah untuk memahami bagaimana minda beroperasi dan kemudiannya mempengaruhi tingkah laku dan prestasi seseorang. Dengan meneliti dan meneroka ke dalam gaya berfikir, para pengkaji NLP telah menyusun dan menstruktur kaedah-kaedah yang berkait tentang pemikiran dan tingkah laku. Ada sesetengah kelompok yang menganggap ianya sebagai salah satu cadang psikologi gunaan, walaupun NLP tidak melalui proses akademik yang ketat. Setakat ini, ada bermacam definisi yang diberikan oleh pengasas dan penyumbang NLP. Antaranya ialah:

- Ia adalah seni dan sains kecemerlangan.
- Garis panduan kepada minda yang dimiliki oleh pemilik minda tersebut.
- Kajian terhadap pengalaman subjektif.
- Kajian terhadap struktur kepada subjek.
- Perisian kepada otak.
- Sains pencapaian yang baru.
- Kajian terhadap kecemerlangan manusia.
- Kemampuan untuk melakukan yang terbaik secara lebih kerap.
- Manual kepada penggunaan kreativiti yang berstruktur.
- Pengembaraan pengalaman.

Secara ringkasnya, NLP boleh difahami dengan mendefinisikan perkataan-perkataan yang membentuk NLP, iaitu:

Neuro: Berkait tentang sistem minda-tubuh dan bagaimana ia berfungsi. Ia juga berkait dengan keadaan minda dan fisiologi seseorang. Ia juga boleh difahami sebagai proses berfikir, bagaimana kita menggunakan penglihatan, pendengaran, perasaan, rasa dan bau untuk memahami apa yang berlaku di sekeliling kita.

Linguistic: Bahasa yang kita gunakan untuk menyatakan, menerangkan, mengkategorikan dan menganalisa realiti yang kita hadapi. Hasilnya, ia akan mempengaruhi kita dan orang di sekeliling kita. Bahasa yang berbeza memberikan model pemikiran yang berbeza.

Programming: Corak pemikiran dan gaya kita melihat dan memberikan respon terhadap sesuatu. Kita mentafsir dunia ini berdasarkan kepada pengalaman dan ilmu, bagi mencapai

keperluan kita. Kita mencipta tingkahlaku dan strategi tertentu untuk mendapatkan apa yang kita mahu. Kemudian kita menceritakan semula pengalaman itu, dan mungkin dapat mengulanginya semula.

Sebagai Muslim, saya sentiasa percaya bahawa kaedah yang terbaik untuk membina kepribadian dan akhlak ialah dengan kaedah pentarbiyahan yang diajarkan oleh Nabi Muhammad yang dikasihi. Al Quran dan Sunnah telah memberikan kita garis panduan yang cukup lengkap bagaimana untuk menjadi seorang manusia yang cemerlang dan berjaya.

Maka, apa kedudukan NLP dalam konteks ini? Adakah ianya bercanggah dengan prinsip tersebut?


Bagi saya, sama sekali tidak. Kita boleh menggunakan NLP sebagai alat untuk lebih memahami struktur pemikiran manusia, dan kesannya kepada emosi dan spiritualiti. Dengan memahami asas-asas gaya berfikir, kita boleh mengawal minda kita mengikut apa yang diinginkan oleh peraturan beragama. Ia boleh membantu kita untuk semakin taat kepada Allah.

MEMO: NLP hanya menyusun kaedah berfikir dan hubungkait dengan emosi-tingkah laku-spiritualiti. Kita semua

telahpun melakukan dan melalui kaedah-kaedah tersebut, tetapi secara tidak sengaja dan tidak tersusun. Ia adalah tabii, ia adalah fitrah. NLP hanya menyusun dan menjadikannya lebih terstruktur supaya mudah untuk difahami.

Analoginya adalah seperti mempelajari sains dan teknologi. Ada banyak keadaan yang mana sains telah membantu kita untuk mengukuh dan membantu kehidupan beragama. Bukankah sudah banyak pengetahuan sains teknologi yang membuat kita semakin selesa beribadah?

NLP hanya menyusun kaedah berfikir dan hubungkait dengan emosi-tingkah laku-spiritualiti. Kita semua telahpun melakukan dan melalui kaedah-kaedah tersebut, tetapi secara tidak sengaja dan tidak tersusun. Ia adalah tabii, ia adalah fitrah. NLP hanya menyusun dan menjadikannya lebih terstruktur supaya mudah untuk difahami. Segala ilmu dan kebaikan adalah milik Tuhan yang Sangat Bijaksana dan Sangat Sempurna.



Rajah definisi NLP yang menarik untuk rujukan anda

SEJARAH PERKEMBANGAN NLP

NLP bermula pada awal 1970-an ketika dua orang yang bernama John Grinder, iaitu seorang Assistant Professor di University of California yang terletak di Santa Cruz; serta Richard Bandler, yang merupakan pelajar psikologi di universiti tersebut. Mereka berdua sungguh tertarik dengan persoalan tentang apakah faktor yang menyebabkan seseorang itu cemerlang, dan boleh mengulangi kecemerlangan itu bila-bila masa yang dikehendaki. Pemerhatian mereka mendapati, individu yang mereka kaji menunjukkan bahawa setiap daripada mereka mempamerkan corak tingkah laku dan gaya fikir yang tersendiri. Rumusan ini akhirnya membina prinsip-prinsip asas dalam NLP.

Pada asalnya, mereka mengkaji beberapa hasil kerja tokoh ahli terapi yang terkenal pada waktu itu, iaitu Fritz Perls, seorang ahli psikoterapi yang inovatif, yang juga telah mengasaskan teknik terapi yang meluas yang dinamakan sebagai Gestalt. Bandler dan Grinder juga mengkaji hasil kerja Milton Erickson, iaitu seorang ahli hipnoterapi yang

dikenali di seluruh dunia. Seorang lagi tokoh yang dikaji ialah Virginia Satir, seorang ahli terapi keluarga yang telah banyak menyelesaikan krisis rumahtangga yang dikendalikannya.

Bandler dan Grinder tidaklah berniat untuk mewujudkan satu teknik baru. Mereka hanya kagum dengan kejayaan proses-proses 'pengubahsuaian psikologi' yang dilakukan oleh tokoh-tokoh tersebut. Contohnya, seorang perokok tegar boleh berhenti merokok selepas beberapa sesi terapi, seorang yang pemabuk dan pemarah menjadi seorang suami yang penyantun. Begitu juga dengan kes orang yang menghadapi tekanan perasaan melampau, dan boleh bertukar menjadi seorang yang ceria positif.

Mereka berusaha mengenalpasti corak dan kaedah yang digunapakai oleh tokoh-tokoh tersebut, dan membandingkan antara satu sama lain. Akhirnya, mereka menemui satu kesimpulan yang sungguh memeranjatkan. Walaupun setiap ahli terapi itu mempunyai kaedah dan personaliti yang jauh berbeza, namun mereka semua mempunyai corak asas yang sama!

Bandler dan Grinder pun mengenalpasti corak-corak tersebut, memantapkannya dan membangunkan model dan teknik yang dinamakan sebagai Neuro Linguistic Programming (NLP). Selepas itu, ramai orang yang turut menyumbangkan kepada pembangunan idea-idea NLP sehingga menjadi satu 'teknologi kejayaan' yang luas dan dinamik.

Sehingga kini, terdapat ramai tokoh-tokoh pembangunan insan dan perunding motivasi yang menggunakan teknik NLP, samada secara langsung, ataupun secara tidak langsung. Antaranya ialah Anthony Robbins, yang mengubahsuai NLP kepada tekniknya sendiri iaitu Neuro Association Conditioning (NAC). Anthony Robbins telah dianggap sebagai perunding motivasi nasional di Amerika Syarikat, dan telah melatih ramai tokoh ternama seperti Bill Clinton, Andre Agassi, dan ramai lagi. Bukunya *Awaken the Giant Within* dan *Unlimited Power* telah menjadi buku paling laris di seluruh dunia.

Singapura, munculnya tokoh perunding motivasi yang menggunakan kaedah NLP seperti Ernest Wong, Adam Khoo dan Stuart

Tan. Buku “Master Your Mind, Design Your Destiny” telah menjadi buku paling laris di Singapura. Buku tersebut juga telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia, dan saya juga diberi penghormatan untuk memberikan testimoni tentang buku tersebut. Begitu juga dengan Micheal J Losier, yang juga seorang juru praktik NLP bertauliah, yang telah membawa satu teknik yang sungguh popular iaitu Hukum Tarikan (Law of Attraction). Law of Attraction (LOA) sedang menjadi satu teknik kejayaan yang diterima ramai, dan telah banyak buku-buku ditulis berkait tentang hukum ini. Salah satu buku yang terkenal ialah “The Secrets”.

Dr Tengku Asmadi, yang merupakan tokoh perunding motivasi nasional juga pernah menyebut kepada saya bahawa beliau pernah menghadiri satu sesi latihan menggunakan NLP untuk para perunding latihan, yang banyak mempengaruhi beliau dalam merangka modul dan mengendalikan sesi motivasi. Program Motivasi Alihan Pelajar yang direkabentuk oleh beliau boleh dianggap sebagai program pelajar yang paling berjaya di negara ini dan mendapat ribuan testimoni yang memberangsangkan.

Tad James dari Australia pula telah mendalami salah satu kaedah NLP, dan menyusunnya menjadi satu kaedah terapi yang tersendiri, yang dinamakan sebagai Time Line Therapy. Selain itu, muncul lagi beberapa teknik dan kaedah yang berkait rapat dengan NLP, iaitu Neuro Simentic, Accelerated Learning, Emosional Freedom Technics (EFT), dan bermacam lagi.

Hari ini terdapat beberapa tokoh dan penyumbang kepada pembangunan NLP di seluruh dunia. Antaranya ialah Dr William Horton, seorang pemegang PhD Psikologi yang juga merupakan Presiden NFNLP yang berpusat di Florida, Amerika Syarikat. Selain itu, Steve Andreas dan Charles Faulkner yang mengasaskan NLP Comprehensive. Tad James pula mengendalikan pertubuhannya iaitu American Board of NLP (ABNLP), dan Dr Micheal Hall pula mengetuai International Society of Neuro Semantic (ISNS).

Teknik dan kaedah NLP telah digunakan secara meluas untuk pembangunan diri, peningkatan prestasi, motivasi, kemahiran interpersonal, pengucapan awam, pengiklanan, perundingan, sukan,

pembentangan, dan bermacam lagi aspek yang mendapat faedah daripada NLP.

Maklumat di atas adalah sebagai pengetahuan latar belakang kepada NLP, jika sekiranya ia penting buat anda. Namun, dari segi aplikasi, sejarah dan latarbelakang bukanlah sesuatu yang mempengaruhi.




Richard Bandler: Pengasas bersama NLP



Dr John Grinder: Pengasas bersama NLP




Virginia Satir– Family Therapy



Milton H. Erickson : Pakar Hipnoterapi



Alfred Korzybski



Gregory Bateson




Anthony Robbin : Pelajar John Grinder yang memperkenalkan Neuro-Association Conditioning (NAC)




Micheal Hall



Robert Dilts



Steve Andreas



Paul McKenna juga menggunakan NLP dalam buku dan program TV kendaliannya

Ada satu masalah, ianya agak berselerak.

Adakah anda pernah membaca buku tentang NLP sebelum ini? Atau pun, pernahkah beberapa kenalan anda bercerita tentang NLP?

Jikalau jawapannya adalah “Ya”, saya ingin bertanya soalan yang kedua, adakah anda benar-benar memahami apakah itu NLP dan elemen-elemennya?

Saya tidak pasti apakah jawapan anda, tetapi saya pernah bertanya kepada ramai orang yang pernah mengetahui tentang NLP. Jawapan mereka ialah, mereka berasa sukar memahami apakah sebenarnya NLP dan apakah struktur fungsinya?

Bahkan saya sendiri mengalami perkara yang sama. Kesimpulan yang boleh saya buat ialah, oleh kerana NLP dibangunkan oleh ramai orang, maka ia mempunyai kecenderungan untuk berkembang secara kurang berstruktur. Ia menjadi sungguh mencapah dan berkembang, sehingga sukar untuk menentukan kerangka utama idea tentangnya. Ada seorang teman saya berkata, ia agak ‘berselerak’.

Atas permintaan rakan-rakan perunding latihan dan motivasi, terutamanya daripada Pertubuhan Perunding Latihan dan Motivasi Islam Malaysia (TAMRIN), saya

mengambil inisiatif ini untuk berkongsi dengan tuan-puan semua tentang salah satu teknik kejayaan yang telah dibangunkan sejak 1970-an lagi. Mungkin ia bukanlah yang terbaik, tetapi ia telah membantu jutaan orang yang telah mendapat manfaat daripadanya, samada secara langsung, ataupun secara tidak langsung.



Ingin sekali saya nyatakan di sini bahawa, saya menulis buku ini dalam keadaan yang sungguh rendah diri, kerana saya amat menyedari bahawa diri saya sendiri masih mempunyai kelemahan dan kekurangan. Dalam masa yang sama, hati saya juga terdetik, “Jika tidak saya menulis buku seperti ini, maka siapa lagi?”. Maka saya terus mengambil tanggungjawab ini, kerana saya yakin bahawa setiap orang layak untuk berjaya, dan setiap orang perlukan panduan untuk berjaya.

Sekarang setelah hampir 10 tahun mengenali dan meneroka ilmu mengenai sukses dan prestasi, saya rasa bertanggungjawab untuk berkongsi dengan semua warga ummah, kerana kita semua ada ‘kerja yang banyak’ sebagai khalifah tuhan di muka bumi; memakmurkan dunia dan berbakti kepada manusia.

NLP telah menjadi suatu teknik; bahkan satu teknologi yang telah digunapakai secara terbukti dalam bidang kepimpinan, pemasaran, kejurujualan, khidmat pelanggan, politik, pengurusan pasukan, berunding,

pengurusan stress, dan bermacam lagi aspek yang pelbagai.

Adam Khoo telah mempopularkan NLP di Singapura, dan kesannya telah merebak ke Kuala Lumpur sekitar 2005.



Bill Clinton adalah antara Presiden Amerika Syarikat yang paling muda, dan diiktiraf sebagai antara "Best Communicator". Beliau mendapat bimbingan secara langsung daripada Anthony Robbins.

Bermacam Teknik dan Kaedah Praktikal

Seperti yang saya telah katakan sebentar tadi, perbincangan tentang NLP yang terlalu mencapah dan bercambah menyebabkan ramai yang sukar untuk memahami, ataupun tersilap faham tentang dimensi dan aplikasi NLP itu sendiri. Di sini, saya senaraikan antara konsep, isu, kaedah dan teknik NLP yang telah kukuh dan dikembangkan di seluruh dunia (saya senaraikan dalam Bahasa Inggeris kerana itulah nama istilah yang asal) :

Rapport	Experiential Array
Matching & Mirroring	Dilt Integrating Framework
Calibration	Chunking
Pacing & Leading	Movie Music
Framing & Reframing	The Picture Frame
Perceptual Position	Rapid Rehearsal
Representational Systems	Magic Words
Predicates	Forced Choice
Meta Model	The Stop Pattern
Meta Program	Nested Loops
Mental Filter	Success Track
Presuppositions	Auto Pilot to Success
Time Line	Sliding Anchors
Neuro Logical Levels	Snap Technics
Submodalities	Drop Down Through
Anchor	Technics
Eye Accessing Cues	Hammer Exercise

Metaphor Accelerated Learning Swish Pattern New Behavior Generator Circle of Excellence Modelling Then Ring of Power	Spatial Pattern Cause & Effect Pattern Personal Trance Word Virginia Satir Patterns By Pass Words Language Patterns ...dan lain-lain
--	--

Apa yang saya senaraikan di atas merupakan sebahagian kandungan, elemen, konsep dan teknik NLP yang sering digunakan dan diaplikasi oleh ahli praktik NLP di seluruh dunia. Ada yang dipecah-pecahkan kepada sub-topik yang lebih terperinci dan panjang lebar. Ada lagi teknik-teknik spesifik untuk tujuan-tujuan psikologi tertentu.



Berikut adalah pengenalan ringkas NLP dalam video TV Sukses yang saya rakam pada 2010. Anda boleh klik dan saksikannya di Youtube (jika ada sambungan internet).

NLP DIREKA UNTUK SIAPA?

NLP boleh digunakan untuk perniagaan, sama ada anda bekerja di syarikat kecil atau multinasional. Skill ini berguna dalam komunikasi, mengurus pasukan, pengurusan projek, mengatasi masalah yang mencabar dan pada suatu masa kerjaya anda memerlukan anda berinteraksi dengan orang lain. NLP boleh diadalam perniagaan atau pendidikan sepanjang hayat.

Panduan ini akan membantu anda untuk memahami corak perilaku dan bagaimana individu mungkin bertindak

“Jika ketenangan minda yang anda cari, lihat perkara ini dengan teliti, dengan siapa anda bercakap, atas siapa anda bercakap, dan bagaimana, dan bila, dan kenapa.”

didalam situasi yang berbeza, dan mereka dapat

membantu anda bekerja dengan lebih efisien dan berkesan. Semua orang boleh mendapat manfaat dari panduan ini, termasuklah seperti ahli perniagaan, ahli sukan, pelakon, pelajar, pemimpin, ahli politik dan jurulatih.

BAGAIMANA NLP BOLEH MEMBANTU?

Fikirkan sesetengah perkara yang anda terlibat:

- Mesyuarat.
- Membaca sesuatu yang berfaedah
- Membuat pembentangan pemasaran
- Berkomunikasi dengan ahli pasukan
- Berurusan dengan pelanggan
- Menemuramah dan temuduga
- Rancangan hasil
- Belajar maklumat baru
- Belajar dan menempuhi peperiksaan
- Persediaan dan menyampaikan pembentangan
- Ucapan politik dan meraih sokongan
- Pengurusan stres
- Penghayatan spiritualiti
- Kepintaran emosi
- Berunding dan mempengaruhi
- Membuat ayat jualan (copy writing)
- Meningkatkan semangat dan fokus
- Lebih memahami orang lain

BAGAIMANA NLP BOLEH MELAKUKANNYA?

NLP terbina dengan mengkaji pakar komunikasi dan pakar perubahan tingkahlaku dari kalangan ahli terbaik yang ada pada ketika itu.

Dengan kemahiran dan teknik dalam NLP, anda tahu bagaimana untuk menguasai proses berfikir, mengawal emosi dan penghayatan spiritualiti yang lebih sistematik. Pendek kata, anda tahu untuk mengawal bagaimana minda anda beroperasi.

Menariknya, apabila seseorang itu tahu bagaimana untuk mengawal operasi mindanya sendiri, ia juga bermaksud ia juga tahu bagaimana untuk mengawal proses pemikiran orang lain. Dan dari situlah bermacam teknik dan kaedah dalam NLP dibangunkan.

NLP TIDAK ISLAMIK?

Ia adalah satu perbincangan yang menarik. Saya akan kongsi dalam sumber akan datang. Teruskan LIKE dan SHARE bahan dalam page saya www.facebook.com/fadzliyusofpage untuk memastikan sumber rujukan ini berterusan.

Secara ringkasnya, tidak salah kita menggunakan kaedah asalkan tidak bercanggah dengan aqidah dan syariat yang telah ditetapkan.

ADA LAGI EBOOK PERCUMA?

Ia bergantung kepada perkembangan page FB ini. Insya Allah, jika sekiranya terdapat 5,000 LIKE pada 31 Oktober 2013, insya Allah saya akan keluarkan satu lagi ebook PERCUMA yang menerangkan EMPAT TUNGGAK ASAS NLP bagi memberikan kefahaman lebih mendalam anda mengenai teknologi sukses ini. Justeru, mohon:

LIKE setiap posting yang anda baca di page ini.
SHARE posting menarik di TimeLine anda.
INVITE rakan dan kenalan anda untuk LIKE page ini.
COMMENT posting yang mencuit minda anda.

5,000 LIKE pada 31 Oktober 2013

Insya Allah, ebook seterusnya bakal bertandang di tablet atau telefon pintar anda.

PENUTUP

Terima kasih kerana sudi membaca buku pengenalan ringkas ini. Tahniah kerana telah berjaya menghabiskannya.

Teruskan bersama dengan laman FB saya dan juga beberapa lagi web yang berkaitan:

www.nlpmalaysia/net

Web berkenaan NLP di Malaysia.

www.fadzliyusof.com

Web profil profesional saya.

www.globalgenius.com.my

Web syarikat penyedia latihan yang saya sertai

www.tvsukses.com

Web TV himpunan ratusan video klip mengenai tip kejayaan dan prestasi

Sekali lagi saya ingin mengucapkan terimakasih kepada mereka yang telah sudi INVITE 30 orang rakan Facebook mereka untuk LIKE laman saya ini. Saya ucapkan ribuan terima kasih atas kebaikan anda tersebut.